



25 Julai 2023
25 July 2023
P.U. (B) 290

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI
KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI TAHAN KARAT
GULUNGAN SEJUK DALAM BENTUK GEGELUNG,
KEPINGAN ATAU APA-APA BENTUK LAIN YANG
BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT
CHINA, REPUBLIK KOREA, *CHINESE TAIPEI* DAN
THAILAND

*NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION
OF ADMINISTRATIVE REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTY
WITH REGARD TO THE IMPORTS OF COLD ROLLED
STAINLESS STEEL IN COILS, SHEETS OR ANY OTHER
FORM ORIGINATING OR EXPORTED FROM
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA,
THE REPUBLIC OF KOREA, CHINESE TAIPEI AND
THE KINGDOM OF THAILAND*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF BAGI KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI TAHAN KARAT GULUNGAN SEJUK DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN ATAU APA-APA BENTUK LAIN YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK KOREA, *CHINESE TAIPEI* DAN THAILAND

(AD01/17 – SR01/23)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import keluli tahan karat gulungan sejuk dalam bentuk gegelung, kepingan atau apa-apa bentuk lain dengan ketebalan antara 0.3 milimeter hingga 6.5 milimeter dan kelebaran tidak lebih daripada 1,600 milimeter tidak termasuk—

(a) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan kemasan sepuh lindap berkilat (BA), No. 8 (Kemasan Cermin), timbul, keras, gores atau berwarna; atau

(b) keluli tahan karat gulungan sejuk dengan nilai kekerasan melebihi 250HV,

yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7219.31.00 00, 7219.32.00 00, 7219.33.00 00, 7219.34.00 00, 7219.35.00 00, 7220.20.10 00 dan 7220.20.90 00 yang berasal atau diekспорт dari Republik Rakyat China, Republik Korea, *Chinese Taipei* dan Thailand (“dagangan subjek”).

Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran

2. Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif bagi kajian semula pentadbiran adalah penamatan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan lambakan dan kemudaran yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia.

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang akan dikenakan kepada pengeluar atau pengekspor yang dinamakan dalam ruang (2) Jadual adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3).

Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah lambakan dan kemudaratannya yang berterusan atau berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai bagi tempoh lima tahun mulai 27 Julai 2023 hingga 26 Julai 2028.

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY
INVESTIGATION WITH REGARD TO THE IMPORTS OF COLD ROLLED STAINLESS STEEL
IN COILS, SHEETS OR ANY OTHER FORM ORIGINATING OR EXPORTED FROM
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA, THE REPUBLIC OF KOREA, CHINESE TAIPEI AND
THE KINGDOM OF THAILAND

(AD01/17 – SR01/23)

IN exercise of the powers conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made affirmative final determination for the administrative review on the imposition of anti-dumping duty with regard to the imports of cold rolled stainless steel in coils, sheets or any other form with the thickness between 0.3 millimetres to 6.5 millimetres and width not more than 1,600 millimetres excluding—

- (a) cold rolled stainless steel with bright annealed (BA), No. 8 (Mirror Finish), embossed, rigidised, etched or coloured finishes; or
- (b) cold rolled stainless steel with hardness value of more than 250HV,

classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7219.31.00 00, 7219.32.00 00, 7219.33.00 00, 7219.34.00 00, 7219.35.00 00, 7220.20.10 00 and 7220.20.90 00 originating or exported from the People's Republic of China, the Republic of Korea, Chinese Taipei and the Kingdom of Thailand ("subject merchandise").

Reasons for affirmative final determination of administrative review

2. The reason for the affirmative final determination of administrative review is that the expiry of the anti-dumping duty would be likely to lead to a continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia.

Anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties to be imposed on the producers or exporters named in column (2) of the Schedule are as specified in column (3).

Reason for imposition of anti-dumping duties

4. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 3 is to prevent the continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product.

Period of imposition of anti-dumping duties

5. The anti-dumping duties imposed under paragraph 3 shall apply for a period of five years from 27 July 2023 to 26 July 2028.

JADUAL/*SCHEDULE*
[Perenggan 3/*Paragraph 3*]

DUTI ANTI-LAMBAKAN/*ANTI-DUMPING DUTIES*

Bil./ No.	(1) Negara/ <i>Country</i>	(2) Pengeluar atau Pengeksport/ <i>Producer or Exporter</i>	(3) Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]/ <i>Rate of Duty</i> [<i>Percentage</i> (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
1.	Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	Shanxi Taigang Stainless Steel Co., Ltd.	2.68%
		Lain-lain/ <i>Others</i>	23.95%
2.	Republik Korea/ <i>Republic of Korea</i>	POSCO	4.44%
		Lain-lain/ <i>Others</i>	7.27%
3.	<i>Chinese Taipei</i>	Tang Eng Iron Works Co., Ltd.	7.78%
		Walsin Lihwa Corporation	2.79%
		Lain-lain/ <i>Others</i>	14.02%

4.	Thailand/ <i>Kingdom of Thailand</i>	POSCO-Thainox	22.86%
		Lain-lain/ <i>Others</i>	111.61%

Bertarikh 25 Julai 2023

Dated 25 July 2023

[MITI.S.600-2/2/24; PN(PU2)529/Jld. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Minister of Investment, Trade and Industry